

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni UUM CAS
Sent: Thursday, September 14, 2017 3:29 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Massudi bin Mahmuddin; Dr. Mohamad Farhan Bin Mohamad Mohsin
Subject: KPO PPA CAS 2017: DIDIK PEMIMPIN MASA HADAPAN



PEJABAT PEMBANGUNAN PELAJAR DAN ALUMNI
Student Development & Alumni Office
College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

14 SEPTEMBER 2017 * 23 ZULHIJAH 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

KPO PPA CAS 2017: DIDIK PEMIMPIN MASA HADAPAN

PPA CAS ONLINE : Menyedari hakikat perlunya seorang pemimpin itu menguasai pelbagai ilmu bagi mengendalikan sebuah persatuan dan kelab, PPA CAS telah menganjurkan Kursus Pengurusan Organisasi (KPO) yang dihadiri oleh 40 orang mahasiswa/i pimpinan tertinggi kelab dan persatuan di bawah UUM CAS . Program KPO ini dijalankan di Pusat Latihan AADK Sungai Petani, Kedah bermula 7 – 9 September 2017 . Kursus ini lebih menjurus kepada pengisian berbentuk ceramah dan panduan seperti penulisan minit mesyuarat, kertas kerja, berita, pengurusan kewangan, protokol dan pengurusan acara dan pendedahan keusahawanan.



Kursus pengurusan organisasi ini bertujuan untuk menaikkan semangat kepimpinan dan mendedahkan kepada pelajar cara-cara pengurusan organisasi yang tepat dan betul serta untuk menyeragamkan sistem organisasi setiap persatuan/kelab dibawah Pejabat Pembangunan Pelajar (PPA UUM CAS). Di samping itu, kursus ini juga bertujuan untuk melatih pelajar supaya melaksanakan aktiviti yang melibatkan keusahawanan, mobiliti, usahasama dari pelbagai pihak seperti alumni dan NGO selaras dengan moto Pejabat Pembangunan Pelajar (PPA UUM CAS) iaitu untuk melahirkan “ a balanced global student”.





Dekan PPA CAS, Dr. Massudi Mahmuddin dalam ucapan perasmianya menekankan pentingnya kelab dan persatuan menjalankan aktiviti keusahawanan bagi membantu persatuan mendapatkan dana persatuan untuk menjalankan aktiviti persatuan dan kelab. Selain itu, demi untuk menggalakkan persatuan dan kelab menjalankan aktiviti berimpak tinggi, pada tahun ini, peruntukan hanya diberikan kepada aktiviti yang memberi impak yang besar seperti seminar, kolokium dan sebagainya, yang menjurus kepada peningkatan akademik pelajar.





Antara penceramah yang terlibat dalam memberi panduan kepada pimpinan pelajar ini ialah Dr. Massudi (Penulisan Minit Mesyuarat ,Penulisan Kertas Kerja serta penulisan Berita), Dr. Rajwani Md. Zain (Ice Breaking dan Pengurusan Masa) dan Pn Hidayah Mat Din (Protokol dan Pengurusan Acara), Dr Mohamad Farhan Mohsin (Pengurusan Aktiviti dalam dan luar negara) dan Pn Siti Khadijah (Pengurusan Kewangan).





Selain ceramah, aktiviti team building dan aktiviti sukan turut diadakan bagi melatih mahasiswa/i supaya mempunyai semangat juang yang tinggi dalam memimpin persatuan dan kelab. Rata-rata peserta KPO yang dijalankan selama 3 hari 2 malam ini memberikan skor 5 (tertinggi) untuk semua program yang dirancang dan mengatakan bahawa mereka telah memperoleh satu ilmu baru yang tidak diajar secara terus dalam kelas-kelas akademik.







Sekian.

=====

Students Development & Alumni Office
UUM College of Arts & Sciences
Tel: 049285307 | Faks: 049285310
Email:cas-sadc@uum.edu.my
Website:ppacas.uum.edu.my

Students Development & Alumni Office
@ppauumcas

=====



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.